


Kes penipuan umrah melonjak drastik tahun ini



UMAT Islam dinasihatkan supaya tidak mudah terpedaya dengan tawaran pakej murah untuk menunaikan umrah. – GAMBAR HIASAN

CYBERJAYA – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) mendedahkan kes penipuan umrah di seluruh negara terus meningkat sepanjang tahun ini.

Menurut Setiausaha Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan Motac, Roslan Mohammad, angka kerugian dialami jemaah terus dilaporkan naik berbanding tahun lalu.

“Untuk rekod, tahun ini sahaja setakat akhir bulan lepas, sebanyak 62 kes polis dilaporkan dengan melibatkan kerugian bernilai kira-kira RM2.1 juta.

“Kegiatan penipuan mula ber-

tambah sejak sempadan negara dibuka luas dua tahun lepas susulan peralihan daripada era pandemik Covid-19.

“Industri tersebut diunjurkan kembali kepada keadaan sebelum wabak apabila lebih 300,000 jemaah dari Malaysia dicatatkan mengerjakan umrah pada setiap tahun.

“Pada 2021, jumlah kerugian yang direkodkan hanya RM267,000 dengan enam kertas siasatan dibuka oleh pihak polis, namun tahun berikutnya angka ini naik secara drastik,” kata beliau ketika merasmikan Hari Umrah Malaysia, di sini semalam.

Menurut beliau, pada 2022, sebanyak 127 laporan polis telah diterima di seluruh negara dengan nilai kerugian kasar yang dianggarkan mencecah kira-kira RM6.1 juta.

“Angka itu belum termasuk lagi sejumlah 161 kes diterima Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang merekodkan sebanyak RM2.9 juta dari segi nilai tuntutan.

“Sementara untuk tahun ini pula sehingga hujung bulan lepas, tribunal berkenaan sudah menerima tuntutan bernilai RM7.09 juta yang membabitkan 355 kes,” tambahnya.